

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 17 RABU 26 APRIL, 1967.

1387 رابو 16 محرام

PERCHUMA

Perbarisan tamat latehan perajurit2 A.M.D.B.

BERAKAS. — Mentri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, telah memberi pesan-an kepada perajurit2 tanah ayer supaya mereka menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda.

Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal membuat rayuan tersebut sa-lepas beliau mengambil Tabek Kehormatan dalam satu Perbarisan Tamat Latehan bagi 55 orang perajurit di-Markas Askar Melayu Di-Raja Brunei pada pagi hari Sabtu 22 April, 1967.

Beliau menerangkan bahawa pada hari itu mereka telah menjadi perajurit2 yang terlateh, tetapi ini bukan-lah bererti yang latehan mereka telah tamat dalam perkhidmatan, malahan itu hanya-lah satu babak permulaan.

Banyak lagi, kata beliau, mereka mesti mem-pelajari untuk menjadi perajurit2 yang betul2 terlateh untuk menjalankan tanggung jawab. Me-reka mesti-lah berusaha dengan sa-berapa daya untuk mempelajari segala ilmu ketenteraan demi kepentingan mereka sendiri khas-nya dan untuk pasokan dan tanah ayer am-nya.

Perajurit2 yang mengambil baha-gian dalam Perbarisan Tamat Latehan itu telah tamat menjalani latehan sa-lama 12 minggu dan akan menyambung lagi latehan sa-lama 4 minggu, sa-lepas mereka berchuti sa-lama 14 hari.

Pegawai Pemerintah perbarisan tersebut ia-lah Lieutenan Muda Ak. Hasnan bin Pengiran Ahmad.

Perajurit2 itu telah di-bahagikan kapada dua platoon, ia-itu platoon 13 dan 14.

Perajurit yang terbaik sa-kali dalam platoon 13 ia-lah Mohamed Noh bin Abdul Hamid dan perajurit yang terbaik dalam menimbak ia-lah Ibrahim bin Jumahat.

Dalam Platoon 14 pula, Awg. Jaili bin Lassim ia-lah perajurit yang terbaik sekali sementara Nordi bin Libut ia-lah perajurit yang ter-baik dalam menimbak.

Mereka telah di-beri hadiah mangkok perak yang telah di-sam-paikan oleh Menteri Besar Brunei.



D.Y.M.M. Ka-London Hari Ini

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan berangkat meninggalkan Negeri Brunei menuju ka-London dengan kapal terbang pada jam 9.45 pagi hari ini.

Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbiran Brunei ada-lah di-pinta berada di-Lapangan Terbang Brunei pada jam 9.15 pagi untuk mengucapkan Selamat Berangkat kapada Baginda.

Pakaian seragam tidak di-kehendaki.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan sedang mengur-niakan Pingat PEKERMA JAYA BRUNEI (P.J.B.)—Darjah Ke-em-pat kapada K.S.M. Bakar bin Ta-mak dari Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam satu Istiadat Pengur-nian Bintang2 dan Pingat2 Kebe-saran Negeri Brunei di-Istana Darul Hana pada 18 April, 1967.

Lantekan baru

BANDAR BRUNEI. — Awg. Bol-hasan bin Abdul Ghafar, Guru Besar, Sekolah Melayu Keriam, Tu-tong telah di-lantek menjadi Pem-bantu Ranchangan Makanan Se-kolah2 Melayu Negeri Brunei mulai pada 1 April, 1967. Demikian me-nurut satu siaran Jabatan Pelajaran Brunei.

Peladang2 dari Brunei akan melawat Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan 15 orang ahli2 Persatuan2 Peladang Negeri Brunei akan berlepas dari Brunei dengan kapal terbang ka-Malaysia Barat pada jam 9-00 pagi hari Khamis 27 April, 1967 untuk melawat beberapa Pusat dan Sekolah Pertanian di-sana.

Dalam rombongan tersebut termasuk dua orang perempuan, ia-itu Dayang Zaliha binte Mohd. Noor dari Lamunin, Tutong dan Dayang Kamariah binte Mahari dari Lubok Pulau, Tutong.

Mereka ada-lah mengandungi sembilan orang dari Daerah Tutong, lima orang dari Daerah Brunei/Muara dan sa-orang dari Daerah Temburong.

Rombongan tersebut akan di-ketuai oleh Awg. Suhaimi bin Haji Ismail, Pembantu Pertanian Kanan, Negeri Brunei. Beliau akan di-bantu oleh Awg. Othman bin Uking, Pembantu Pertanian Rendah, Negeri Brunei.



Gambar ini di-ambil di-bangunan Lapangan Terbang Brunei baru2 ini sa-belum wakil2 dan pemerhati dari Majlis Belia2 Negeri Brunei berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura untuk menghadiri Seminar Pertubuhan Belia Sa-Dunia (W.A.Y.) Bahagian Asia.

Mereka ia-lah Awang Ya'akob bin Ahmad dan Awang Md. Taib bin Haji Md. Said, kedua2-nya sa-bagai wakil dan Awang Abdul Razak bin Bendahari Haji Ghafar yang menghadiri seminar itu sa-bagai sa-orang Pemerhati.

Awang Ya'akob ia-lah Pengerusi Tetap, Persatuan TIBA, Brunei; Awang Md. Taib ia-lah Yang Dipertua, Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya, Tutong; manakala Awang Abdul Razak ia-lah Setia Usaha Kewangan, Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya Tutong.

Dari kiri: Awang Abdul Razak; Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Y.B. Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awang Haji Umar; Awang Ya'akob; Penolong Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yassin bin Awang Said; Awang Md. Taib dan Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yahya Mohd. Yusof.

Chawangan Imigresen akan di-adakan di-Tutong

BANDAR BRUNEI. — Satu chawangan perkhidmatan Imigresen Negeri Brunei akan di-adakan di-Daerah Tutong mulai 1 Mei, 1967.

Pengawal Imigresen Brunei Awang T. P. Forde mengumumkan bahawa mustahaknya chawangan itu di-tubuhkan dalam daerah tersebut ada-lah bagi menyenangkan orang ramai di-daerah itu untuk memohon Surat Pengenalan biasa dan menyambong kebenaran tinggal sementara di-negeri ini.

Untuk mendapatkan borang2 permohonan kerana perkara itu mereka boleh-lah mendapatkan dengan tidak payah turun ka-Bandar Brunei.

Pemohonan2 untuk mendapatkan Pasport British dan Warga Negara atau Kera'ayatan maseh lagi seperti biasa ia-itu di-Jabatan Imigresen Bandar Brunei.

Chawangan Jabatan Imigresen di-Daerah Tutong itu akan di-tempatkan di-Bangunan Pejabat Pendaftaran Kebangsaan (Kad Pengenalan) di-Bukit Bandera.

Ahli2 Sokan Dari Brunei Akan Dapat Bertanding Dalam Sokan Dunia — Harapan Penolong Menteri Pelajaran

BANDAR BRUNEI—"Sokan atau athletic" bukan sahaja menggalakkan ahli2-nya untuk memenangi hadiah, tetapi juga untuk membolehkan antara ahli2-nya, seperti hari ini mithal-nya, seluruh murid2 Sekolah2 Rendah Melayu dapat berkumpul dan berkenalan antara satu dengan lain". Demikian antara-nya kata Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking sa-belum beliau merasmikan pembukaan temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 21 April, 1967.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan menegaskan bahawa inisiatif seperti yang beliau katakan itu ada-lah mendorong dan membolehkan lagi terbentuk-nya Darjah Kesokanan di-Negeri Brunei.

"Di-negara2 yang sudah maju, sokan bukan-lah satu perkara yang remeh saja, bahkan, ia-nya di-pandang sa-bagai satu perkara yang penting. Jadi-nya kita di-Brunei, sudah sampai-lah masa-nya untuk meninggikan sa-berapa yang boleh TARAF KESOKANAN di-negara kita ini.

Lunas2 dari kesokanan ini, dapat membuahkan jenerasi2 yang mempunyai otak yang bersih, badan yang segar sehat dan bertenaga, supaya akan terbentuk-lah satu MASHARAKAT yang berguna dalam sa-sabua negara itu.

Jadi-nya, saya berharap, menerusi ucapan ringkas saya ini, agar-lah anak2 sekolah yang ada mengambil bahagian, maupun yang maseh belum berpeluang untuk menyertai sokan pada hari ini, akan bertambah giat-lah dalam lapangan ini", kata Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan.

Sa-lanjut-nya beliau menegaskan bahawa Sokan ada-lah mempunyai peringkat2-nya yang tertentu, ia-itu Peringkat Bawah, Pertengahan dan Atas-an. Jadi-nya kalau-lah kita tegas-nya ahli2 sokan di-Negeri Brunei ini dapat bergiat lagi, neschaya-lah dari Peringkat Bawah, kita naik ka-peringkat Pertengahan, sa-terus-nya Peringkat Atas-an, kalau perlu, biar-lah kita dapat menghantar Ahli2 Sokan dari negeri ini ka-Sokan Dunia pada satu masa nanti.

"Rajin dan usaha itu TANGGA KEMAJUAN. Kejayaan Awang2 dan Dayang2 pada hari ini, bukan sahaja mengharumkan nama persendirian,

bahkan akan menambahkan lagi harum sa-merbak-nya nama Sekolah2 yang Awang2 dan Dayang2 wakili.

Mungkin sa-lanjut-nya, sesudah Awang2 dan Dayang2 dewasa kelak, dapat-lah pula mengharumkan nama negara dan bangsa kita ini". kata beliau.

Ketika berucap di-upacara tersebut, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan berkata bahawa beliau berasa amat sukachita pada pagi hari tersebut yang mulia itu, kerana dapat bersama2 dengan para hadirin sekali-an di-temasha pembukaan rasmi Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei yang mana beliau rasa amat-lah bertuah.

Dalam pada itu, beliau berkata bahawa seperti yang para hadirin ma'alum, terutama-nya Ahli2 Sokan, bahawa BADAN YANG SEHAT ITU MEMPUNYAI UNSOR2 OTAK YANG CHERGAS, maka Jabatan Pelajaran Negara Brunei, sa-tiap tahun mengadakan perlawaan2 Sokan seperti itu, bahkan

di-pelbagai jurusan, seperti Bola Sepak, Hoki, Bola Tampar dan sa-bagai-nya lagi. Kerana, dari bibit kesokanan inilah beliau rasa, dapat membuahkan jenerasi2 yang berguna kepada Bangsa. Tanah Ayer dan terutama-nya di-lapangan pelajaran.

Beliau juga berharap, agar-nya Ahli2 Sokan dan Pegawai2 yang tertentu dalam menyelenggarakan temasha Sokan pada hari itu, akan dapat bersama2 berbimbing bahu dan tenaga untuk menjayakan-nya.

Kapada bakal2 pemenang2 persendirian dan berpasokan, beliau terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan kapada pehak yang tidak menang, beliau berharap jangan-lah mereka berputus asa dan chubalah lagi mengambil bahagian bila2 masa ada temasha sokan seperti yang di-adakan itu.

Kapada Ahli2 Jawatan Kuasa Penyelenggara sokan pada hari itu, beliau mengucapkan terima kasih kerana penoh keikhlasan dan kesudian meminta beliau merasmikan pembukaan tersebut.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

Benarkah Islam Di-siarkan Dengan Pedang?

ORANG akan bertanya, kalau Islam tilak pernah di-paksakan apakah pula hubungan peperangan2 yang di-anjorkan oleh Islam terhadap orang2 Mushrikin di-zaman Nabi Mohammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam?

Memang benar bahawa Islam di-kala Nabi Mohammad menetap di-Madinah sa-telah berhijrah dari tanah ayer-nya Mekah telah menshar'atkan perang. Tetapi peperangan yang di-shari'atkan itu tidaklah dapat di-jadikan dali sa-bagai paksaan untuk menundukkan manusia supaya memasuki ugama Islam, tetapi adalah di-sebabkan berbagai2 faktor yang tidak ada kaitan-nya dengan soal2 paksaan untuk memasuki Islam.

Tiga belas tahun lama-nya Nabi Mohammad menyebarkan Islam di-kalangan penduduk Mekah dan membenters penyembahan2 berhala serta mengusahkan pembaikan2 akhlak dengan aman damai tetapi sa-bilangan besar yang mengikut-nya hanya-lah dari golongan marhain dan sa-bahagian kecil pembesar2 Mekah. Hampir keseluruhan orang2 yang memelok Islam di-kala itu mendapat penganiayaan daripada pelampau2 Mekah yang menentang Islam. Malahan Rasulullah sendiri tiada terlepas daripada penganiayaan mereka.

Nabi Mohammad yang selama ini di-kenal sa-bagai manusia jujur dan berbudi tinggi telah bertukar menjadi tumpuan kemarahan dan kebencian mereka, sa-hingga pada kemuncak akhir-nya penentang2 Islam itu memutuskan untuk membunuh Nabi Mohammad. Tetapi Allah telah memerintahkan Mohammad dan orang2 Islam supaya berhijrah (berpindah) ka-Madinah. Kerana Madinah telah bersedia membukakan pintu-nya untuk Islam, di-mana Islam akan dapat hidup segar dengan nafas barunya.

Pelampau2 Mekah nampak-nya maseh tidak puas dengan perpindahan Mohammad dan pengikut2-nya ka-Madinah, mereka bertindak merampas harta benda orang2 Islam yang di-tinggalkan, dan menganiaya orang2 Islam yang belum sempat berpindah.

Kemudian di-Madinah sendiri Mohammad dan pengikut2-nya telah mendirikan negara Islam yang tentu-nya menghendaki keamanan dan ketenteraman supaya Islam dan negara dapat berkembang tanpa sa-barang gangguan dan anchaman.

Tetapi pada masa itu-lah pula sudah ada berita2 bahawa pelampau2 Mekah telah bersiap sedia menyusun barisan untuk menghanchorkan Islam dan negara Madinah yang baru

Di-susun oleh:
ABDUL HAMID BIN BAKAL, M.A. (Al-Azhar)
Di-keluarkan oleh Badan Penerangan
Ugama Islam, Brunei.

Awang Abdul Hamid bin Bakal M.A. (Al-Azhar), Penguasa Penerangan dan Tabligh, Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah menulis sa-buah renchana yang telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI pada hari Rabu 5 April, 1967 bertajuk "Benarkah Islam di-siarkan dengan Pedang?"

Dalam renchana tersebut Awang Abdul Hamid telah meninjau hakikat dan kenyataan Islam dan dari sudut sejarah sa-benar-nya supaya akan terbukti-lah kepada kita bahawa Ugama Islam tidak pernah dan tidak sekali2 memaksa sesiapa untuk memelok atau mengikut-nya dan Nabi Muhammad, s.a.w., serta pengikut2-nya tidak pernah mengembangkan Islam dengan paksaan.

Sambongan renchana tersebut ada-lah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI pada hari ini. Sa-moga renchana ini akan dapat memberikan faedah khas-nya kepada Umat Islam untuk mengetahui perkara yang sa-benar-nya sa-bagaimana yang di-katakan oleh sa-bilangan orang bahawa Islam di-kembangkan dengan menggunakan pedang dan dengan kekerasan dan paksaan.—PENGARANG.

munchul itu.

Mohammad sa-bagai sa-orang pemimpin tentu-lah mengetahui bahawa serangan2 orang2 Mushrikin Mekah akan memporak-puranda-kan kaum2 Arab yang belum pernah mengechap nikmat Islam, dan akan mendapat sokongan penoh daripada orang2 Yahudi dan orang2 munafik di-Madinah itu. Di-samping itu adalah menjadi kewajiban bagi pemerintah untuk memperlongi semua warga negara Madinah, yang bukan sahaja terdiri daripada orang2 Islam tetapi juga daripada orang2 yang tiada berugama Islam.

Adakah dengan ada-nya bahaya2 yang mengancam ini Mohammad harus berdiam diri tanpa mengadakan sesuatu langkah untuk menghadapi segala kemungkinan dengan penoh waspada.

Allah Subhaanahu Wata'ala tentu-lah tidak akan membiarkan Mohammad dan pengikut2-Nya dalam penderitaan terus menerus. Islam perlu di-beri nafas dan kebebasan dari sa-barang anchaman, Islam adalah untuk manusia sa-jagat yang harus berkembang dan tumbuh dengan subur. Sudah sampai masa-nya bagi Mohammad supaya menunjukkan kepada dunia bahawa Negara Islam sudah ujud dan bertapak serta mempunyai kekuatan-nya sendiri.

1. — Izin perang tepat pada waktu-nya. Allah telah berfirman yang maksud-nya lebih kurang:

"Allah mengizinkan berperang kepada orang2 yang dapat serangan, di-sebabkan mereka teraniaya. Sa-sunggo-nya Allah berkuasa memenangkan-nya, ia-itu orang2 yang di-usir dari negeri-nya dengan tidak kebenaran, melainkan kerana mereka mengatakan: "Tuhan kami Allah". Jikalau Allah tiada memper-tahankan manusia antara satu

dengan lain, neschaya roboh-lah Gerija Orang Nasrani, Yahudi dan Mesjid Orang Islam, di-dalam-nya di-sebut nama Allah banyak2 sa-sunggo-nya Allah menolong orang yang menolong ugama-Nya. Sunggo-ia amat kuat lagi perkasa". (Ayat 39 dan 40 daripada Surah Al-Hajj).

Isi ayat2 di-atas ia-lah izin berperang kepada mereka yang menjadi sasaran serangan dan pencerobohan. Allah s.w.t., sanggup membantu mereka, orang2 yang telah di-halau dari rumah mereka kerana ugama dan ke-imaan. Amat-lah bijaksana dan luas tinjauan itu, kerana jika Tohan tidak mem-batalkan perbuatan orang2 yang zalim, engan bantuan kepada orang2 saleh, tentu-lah tidak akan ada lagi kemerdekaan berugama dan beribadat di-dunia ini.

Tohan sa-lama-nya menolong mereka yang ingin menchiptakan kemerdekaan berugama dan beribadat. Nyata dari ayat2 itu bahawa di-izinkan berperang, jika sesuatu bangsa (raayat) menderita serangan

dan pencerobohan (bila pehak penyerang tidak mempunyai alasan yang hak melakukan serangan, dan berusaha pula menchampuri soal2 ugama dari bangsa yang di-serang-nya).

Maka ada-lah tugas kewajiban dari umat yang di-serang, jika sudah mempunyai kekuasaan: menchiptakan kemerdekaan berugama dan melindungi semua ugama dan tempat2 ibadat.

Kekuasaan bangsa atau negara demikian, bukan-lah untuk menayakan diri sendiri, tetapi lebih2 lagi untuk memelihara orang miskin, kemajuan negara dan meluaskan perdamaian sa-jauh mungkin. Di-dalam ayat2 di-atas itu juga tersirat kenyataan, bahawa orang2 Islam dahulu menjalankan peperangan kerana mereka dipaksa oleh keadaan.

Di-dalam Surah Al-Baqarah Ayat 190 termaktub pula:

"Dan berjuang-lah di-jalan Allah terhadap mereka yang memerangi kamu, tapi jangan-lah melampau batas. Sa-sunggo-nya Allah tidak menchini orang2 yang melampaui batas. Dan bunoh mereka di-mana saja kamu jumpai mereka, dan halaukan mereka dari tempat mana mereka telah menghalaukan kamu; oleh sebab fitnah itu lebih buruk daripada pembunuhan. Dan jangan-lah perang mereka di-dalam dan dekat Masjidil Haram sa-hingga mereka memerangi kamu; kalau bagitu perang-lah mereka: Demikian-lah balasan bagi orang2 yang kafir. Tetapi manakala mereka berhenti, maka sa-sunggo-nya Allah Maha Pengampun dan Penyayang. Dan perang-lah mereka sa-hingga tidak ada lagi fitnah, dan ugama dapat di-anuti kerana Allah, tetapi jika musohan, kechuali terhadap orang2 yang bersikap aniaya".

(Bersambung)

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 April, 1967 hingga ka-hari Selasa 2 Mei, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
26 April	12-24	3-39	6-31	7-45	4-41	4-55	6-09	
27 April	12-24	3-39	6-31	7-45	4-41	4-55	6-09	
28 April	12-24	3-39	6-31	7-45	4-41	4-55	6-09	
29 April	12-24	3-39	6-31	7-45	4-41	4-55	6-09	
30 April	12-24	3-39	6-31	7-45	4-41	4-55	6-09	
1 Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07	
2 Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

GAMBAR2 KENANG2AN

Jema'ah2 Haji balek dari Tanah Suchi

JEMA'AH2 Haji dari Negeri Brunei yang telah menunaikan fardhu Haji pada tahun ini dengan menaiki kapal laut, ia-itu berjumlah sa-ramai 223 orang, telah selamat balek ka-Tanah Ayer pada 20 April, 1967.

Beberapa orang di-antara Jema'ah2 Haji itu telah juga balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Labuan, ia-itu sa-lepas Kapal Haji M.S. "Anshun" tiba di-Perayeran Labuan pada hari tersebut.

Gambar2 yang di-siarkan di-muka 4 dan 5 Pelita Brunei pada hari ini telah di-ambil pada masa Jema'ah2 Haji itu tiba di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada malam 20 April, 1967 dengan menaiki kapal2 Kerajaan Brunei dari Labuan dan juga sa-buah gambar yang di-ambil pada masa Jema'ah2 Haji itu tiba di-Lapangan Terbang Brunei dari Labuan pada petang hari tersebut.



Sa-lepas kapal itu rapat di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei, maka Jema'ah2 Haji itu pun turun dari kapal dengan di-bantu oleh beberapa orang Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 serta lain2 orang.



Sa-belum Jema'ah2 Haji itu keluar dari Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei barang2 kepunyaan mereka di-pereksa oleh Pegawai2 Kastam sa-bagaimana kelihatan dalam gambar ini.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan sedang mengurniakan PINGAT PERJUANGAN kepada Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan Negeri Brunei, Dato Doktor P. I. Franks di-Istiadat Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negara di-Istana Darul Hana pada 18 April, 1967.

ISTIADAT PENGURNIAAN BINTANG2 DAN PINGAT2 KEBESARAN NEGARA DI-ISTANA DARUL HANA

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei kepada sa-ramai 56 orang baru2 ini.

Istiadat Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran itu telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada pagi 18 April, 1967.

Dua buah gambar yang di-siarkan di-muka tengah Pelita Brunei keluaran hari ini ada-lah di-antara gambar2 yang di-ambil di-Istiadat Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran tersebut.



Satu pemandangan di-antara para hadirin di-Istiadat Pengurniaan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei di-Istana Darul Hana pada 18 April, 1967.



Gambar ini di-ambil sa-belum Jema'ah2 Haji turun dari sa-buah kapal Kerajaan di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei.



Awang Haji Dul Rahim bin Besar, berumur 80 tahun, kelihatan sedang di-sotong oleh sa-orang Inspektor dan sa-orang Sarjan Po's pada masa beliau tiba di-Lapangan Terbang Brunei dengan kapal terbang dari Labuan pada petang hari Khamis yang lalu.



Dalam gambar ini antara-nya kelihatan beberapa orang Pegawai Kastam sedang memeriksa barang2 kepunyaan Jema'ah2 Haji yang telah tiba di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei dengan kapal laut dari Labuan pada malam 20 April, 1967.

Dato MacInnes Berharap Peserta2 Sokan Akan Menaruh Perasaan Yang Riang Dan Gembira

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Pelajaran Negeri Brunei, Dato Paduka Malcolm MacInnes, ketika berucap di-temasha Pembukaan Rasmi Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu, berkata antara lain "Saya

perchaya semua mereka ini mempunyai satu tujuan — ia itu menang!"

"Murid2 sekalian tidak akan dapat kesemua-nya memenangi hadiah2 pada hari ini, kerana hadiah2 sokan hanya-lah khas di-menangi oleh para peserta yang berjaya kelak.

Namun demikian, saya ber-

harap murid2 sekalian yang beradu pada hari ini, akan men-chuba sa-berapa daya mereka dan hendak-nya mereka menaruh perasaan yang riang dan gembira".

Dalam ucapan tersebut, Dato Paduka MacInnes berkata bahawa oleh kerana hari itu ia-lah hari bagi murid2 seka-

lian, tegas-nya peserta untuk mengadukan nasib mereka dalam lapangan sokan itu dengan menunjukkan gaya dan chara yang tertentu, jadi-nya beliau perchaya, tidak-lah bagitu seronok bagi mereka untuk mendengar ucapan yang panjang dari beliau — "sa-orang yang sudah tua untuk mengambil bahagian seperti berlari dan melompat".

Dato Paduka MacInnes telah mengucapkan Selamat Ber-gembira dan berharap sa-moga para peserta sekalian itu akan berjaya.

Beliau juga telah menguchapkan terima kaseh kepada Ahli2 Jawatan Kuasa dan Pegawai2 Sokan tersebut kerana memberikan kesempatan kepada beliau untuk berucap di-temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei pada hari Juma'at yang lalu.

Kenyataan Kastam

BAGI menjalankan kuasa2 yang di-beri ka-atas Pengawal Kastam oleh bab 9 dari Undang2 Kastam, 1954, maka saya dengan ini menetapkan, bagi tujuan mengenakan cukai2 harga barang yang di-sebutkan di-dalam Jadual di-sini mulai dari dan termasuk 24 April, 1967.

Lada Putih sa-pikul \$125.40.

Lada Hitam sa-pikul \$90.20.

(Othman Chua Kwang Soon)
Pengawal Kastam & Bea, Brunei.



Gambar ini di-ambil di-temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Brunei Dua di-Padang Sekolah Melayu Sengkuring baru2 ini. Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Nadzir Negara Sekolah2 Negeri Brunei, Awang Suni bin Haji Idris (duduk bilangan ke-dua dari kiri) kepada pasokan2 yang berjaya di-temasha sokan tersebut.



Lampu Isharat Lalu Lintas yang telah di-pasang di-empat buah simpang di-Bandar Brunei telah mulai di-nyalakan pada pagi hari Sabtu 15 April, 1967, di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier.

Pada petang hari Sabtu 22 April pula telah di-nyalakan Lampu Isharat Lalu Lintas di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Elizabeth II dan di-simpang Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Sekolah.

Gambar ini di-ambil di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier selepas Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar yang juga menjadi Pengerusi Lembaga Bandaran Brunei merasmikan pembukaan Lampu Isharat Lalu Lintas pada pagi 15 April, 1967. Inspektor Kanan Metali dan sa-orang Polis kelihatan sedang bertugas di-tengah2 simpang tersebut.



Ini-lah satu pemandangan kereta2 yang sedang menunggu hendak melintas simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier pada pagi hari pembukaan rasmi Lampu Isharat Lalu Lintas di-simpang itu.

Dalam gambar ini, antara-nya, kelihatan Ketua Jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang Kamaluddin bin P.H.A. Bakar sedang bertugas di-simpang tersebut. Di-samping itu juga kelihatan antara-nya ia-lah beberapa orang anggota Pasokan Polis Di-Raja Brunei, Bahagian Lalu Lintas.

Sokan Sekolah² Melayu Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI — Perlawanan Sokan Tahunan Sekolah² Rendah Melayu Negeri Brunei kali yang kelapan bagi Peringkat Negeri, ia-itu Perlawanan Kejohanan dari tiap2 jenis perlumbaan pada tiap2 kumpulan antara perwakilan daerah masing2 telah di-langsungkan pada 21 April, 1967 bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei, dari pagi hingga petang.

Sa-ramai 254 orang peserta2 lelaki dan 105 peserta2 perempuan yang terdiri dari tujuh bahagian perwakilan telah mengambil bahagian dalam temasha tersebut, ia-itu seperti berikut: Bahagian Brunei Satu: 31 orang lelaki dan 16 orang perempuan dari 6 buah sekolah.

Bahagian Brunei Dua: 38 orang lelaki dan 16 orang perempuan dari 20 buah sekolah.

Bahagian Brunei Tiga: 41

Di-susun oleh:

MD. HUSAIN BIN ZAINAL,
Jabatan Pelajaran Brunei.

orang lelaki dan 14 orang perempuan dari 14 buah sekolah.

Bahagian Brunei Tiga: 41 orang lelaki dan 14 orang perempuan dari 14 buah sekolah.

Bahagian Belait: 34 orang lelaki dan 16 orang perempuan dari 10 buah sekolah.

Bahagian Tutong Satu: 36 orang lelaki dan 14 orang perempuan dari 12 buah sekolah.

Bahagian Tutong Dua: 37 orang lelaki dan 16 orang perempuan dari 15 buah sekolah.

Bahagian Temburong: 37 orang lelaki dan 13 orang perempuan dari 12 buah sekolah.

Kemunchak achara pada hari itu ia-lah Barisan Tabek Kehormatan dari pasukan2 yang menyertai perlawanan telah di-terima oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking dan beliau juga telah merasmikan pembukaan temasha sokan pada hari itu.

Bendera Kejohanan yang direbutkan pada tiap2 tahun telah di-sampaikan oleh Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awang Noordin bin Abd. Latif kepada Guru Pengawas Pasokan Awang Masri bin Haji Md. Salleh, ia-itu sa-bagai simbol perlawanan pada hari itu.

Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato M. MacInnes, kepada pasukan2 yang berjaya di-temasha perlawanan pada hari itu.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

(1) Kumpulan Laki2 "A":
Pertama: Pasokan Belait dengan mendapat 84 mata. *Kedua:* Pasokan Brunei I dengan mendapat 76 mata. *Ketiga:* Pasokan Tutong I dengan mendapat 55 mata.

(2) Kumpulan Laki2 "B":
Pertama: Pasokan Brunei I dengan mendapat 66 mata. *Kedua:* Pasokan Belait dengan mendapat 64 mata. *Ketiga:* Pasokan Brunei II dengan mendapat 56 mata.

(3) Kumpulan Laki2 "C":
Pertama: Pasokan Tutong I dengan mendapat 50 mata. *Kedua:* Pasokan Belait dengan mendapat 46 mata. *Ketiga:* Pasokan Brunei III dengan mendapat 36 mata.

(4) Kumpulan Laki2 "D":
Pertama: Pasokan Tutong II dengan mendapat 30 mata. *Kedua:* Dua Daerah mendapat sama 23 mata ia-itu Tutong I dan Brunei II. *Ketiga:* Tiga Daerah mendapat sama 18 mata ia-itu Brunei I, Brunei III dan Belait.

(5) Kumpulan Perempuan "A":
Pertama: Pasokan Belait dengan mendapat 56 mata. *Kedua:* Pasokan Temburong dengan mendapat 50 mata. *Ketiga:* Pasokan Tutong II dengan mendapat 38 mata.

(6) Kumpulan Perempuan "B":
Pertama: Pasokan Brunei II dengan mendapat 22 mata. *Kedua:* Dua Daerah mendapat sama 19 mata ia-itu Brunei III dan Tutong II. *Ketiga:* Pasokan Tutong I dengan mendapat 175 mata.

dua: Dua Daerah mendapat sama 19 mata ia-itu Brunei III dan Tutong II. *Ketiga:* Pasokan Tutong I dengan mendapat 14 mata.

CHAMPORAN MATA KEMENANGAN

(1) Kumpulan Laki2:
Pertama: Pasokan Belait dengan mendapat 212 mata. *Kedua:* Pasokan Brunei I dengan mendapat 190 mata. *Ketiga:* Pasokan Tutong I dengan mendapat 175 mata.

(2) Kumpulan Perempuan:
Pertama: Dua Daerah mendapat sama 63 mata ia-itu Belait dan Temburong. *Kedua:* Pasokan Tutong II dengan mendapat 57 mata. *Ketiga:* Dua Daerah mendapat sama 55 mata ia-itu Brunei II dan Brunei III.

(3) Kumpulan Laki2 dan Perempuan:
Pertama: Pasokan Belait dengan mendapat 275 mata. *Kedua:* Pasokan Brunei I dengan mendapat 231 mata. *Ketiga:* Pasokan Tutong I dengan mendapat 223 mata.

SOKAN TAHUNAN

(1) Pada 19 April, 1967: Di-langsungkan Sokan Tahunan Sekolah² Rendah Melayu S.M.J.A. Puser Ulak, bertempat di-Padang S.M.J.A., Bandar Brunei.

(2) Pada 23 April, 1967: Dua Perlawanan Sokan di-jalankan serempak ia-itu:
(a) Sokan Tahunan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei. Yang Teramat Mulia Pgn. Anak Puteri Nor Ehsani telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang yang berjaya pada petang itu.
(b) Sokan Tahunan Sekolah Melayu Puduk Bahagian Brunei III, di-langsungkan di-Padang Sekolah itu.

KERJA KOSONG DI-RADIO BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 lelaki dan perempuan yang menjadi ra'ayat atau mereka yang ber-hak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Mulana Al-Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

(a) PEGAWAI SIARAN (Pelateh).
Gaji: — Dalam sukatan gaji D.1 EB2 \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

Kelayakan: — Pemohon2 mestilah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Ingeris.

(b) PEMBANTU STUDIO.
Gaji: — Dalam sukatan gaji F.1 \$160x5 - 175.

Kelayakan2: — Pemohon2 mestilah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau Form II Ingeris. Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 10 Mei, 1967.

"Malam Niwarna" Di-Dewan Maktab S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI — Ganggang Suri Sura, ia-itu sa-buah Derama Purbawara lima babak hasil karya dan arahan Tajuddin Haji Tengah akan di-persembahkan di-temasha MALAM NIWARNA anjoran Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab S.O.A.S. dan S.T.P.R.I. di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 26 dan 27 April, 1967. Persembahan pada malam 26 April ia-lah khas untuk penuntut2 sekolah dan pada malam 27 April untuk orang ramai.

Sahari Awang Besar (sa-orang penuntut Maktab S.O.A.S. yang ber-lakon sa-bagai BUIANG SIGANDAM dalam sa-buah Lakonan Sandiwara Purbawara yang di-siar-kan oleh Radio Brunei Bahagian Melayu samanjak beberapa bulan yang lalu) akan mengambil peranan utama dalam Lakonan Ganggang Suri Sura itu sa-bagai Ganggang Suri dan juga sa-bagai Ganggang Sura. Di-antara pelakon2 yang lain ia-lah Tajuddin Haji Tengah, Dayangku Fatimah Pengiran Haji Momin dan Dayangku Zubaidah Pengiran Haji Metussin.

Berbagai achara akan di-persembahkan di-temasha MALAM NIWARNA itu. Di-antara-nya ia-lah nyanyian dari "Bintang2" Tanah Ayer. Tarian2 dan Lawak Jenaka.

Menurut Pengerusi, temasha tersebut, Awg. Morshidi H. S., tujuan di-adakan temasha itu ia-lah untuk memupok dan menggalakkan bakat2 baru dalam Seni Tari dan Seni Lakon khas-nya serta dalam bidang seni lain-nya.

Beliau menambah kata bahawa temasha itu juga akan di-adakan sa-bagai satu projek Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab SOAS dan STPRI. Hasil kutipan dari tiket2 yang di-jual di-temasha itu akan di-dermakan kepada Tabong Derma Badan Seni Budaya tersebut.

Tiket2 untuk penonton berharga \$1.50 dan \$1.00 untuk orang ramai dan 50 sen untuk penuntut2 akan di-jual di-pintu masuk ka-Dewan Maktab SOAS pada malam di-adakan persembahan tersebut.

SAMBUTAN HARI JADI 'PAPP'

KAMPONG SULTAN LAMA — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) Brunei telah mengadakan satu perjumpaan yang ramai di-Sekolah Melayu Sultan Lama, Brunei pada petang hari Juma'at 14 April, 1967.

"DERU" Akan Munchol Bulan Depan

BANDAR BRUNEI — Badan Bahasa dan Persuratan, Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei akan menerbitkan Koleksi Sajak yang bernama DERU.

Koleksi Sajak ini maseh lagi dalam proses perchetakan dan di-jangka akan siap pada pertengahan bulan Mei hadapan. Harga-nya ia-lah satu ringgit sa-naskhah. Sa-siapa yang sudi hendak membeli Koleksi Sajak itu boleh-lah membuat permohonan dari sekarang dengan Pemimpin Badan Bahasa dan Persuratan S.M.M.P., Che'gu Awg. Mohd. Shah bin Imam Ahmad.


Tujuan di-adakan majlis tersebut ia-lah untuk menyambut Hari Raya Aidil Adzha dan juga sambutan Hari Ulang Tahun Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama, Brunei kali yang kelima.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis itu ia-lah Pesuruhjaya Kebajikan Negeri Brunei, Awg. H. M. Salleh; Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awg. Haji Umar serta ramai para jemputan, penduduk2 kampung tersebut dan ahli2 PAPP.

Majlis tersebut di-mulai dengan ucapan oleh Pengerusi Tetap PAPP Awg. Sulaiman bin Puteh yang juga menjadi Pengerusi Majlis itu. Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awg. Haji Umar dan oleh Awang H. M. Salleh.

Sa-lepas itu para hadirin telah di-ra'ikan dengan jamuan sateh dan minuman. Majlis kemudian di-sambong sa-mula dengan Bacha'an Al-Qur'an, di-turuti dengan Sharahan Ugama oleh sa-orang Penserarah dari Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei dan di-akhiri dengan Bacha'an Do'a Selamat.

Sa-baik sahaja selesai achara tersebut para hadirin telah di-hibor-kan dengan persembahan musik dan nyanyian oleh pemuda-pemudi Kampong Sultan Lama.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un kelihatan dalam gambar ini sedang memereksa Perbarisan Tamat Latihan Perajurit2 Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Markas A.M.D.B. di-Berakas pada pagi hari Sabtu yang lalu.

KOLERA: Nasehat Pengarah Perubatan

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan Negeri Brunei, Dato Doktor P. I. Franks telah menasehatkan orang ramai supaya mengambil langkah2 keselamatan terhadap penyakit Kolera.

Penyakit Kolera itu di-beritakan sedang merebak di-Asia Tenggara.

Doktor Franks berkata bahawa chuacha di-Negeri Brunei di-jangka berubah kepada Musim Kemarau. Dan ini di-anggapkan sangat merabahaya kepada kesihatan di-negeri ini.

Oleh itu orang ramai ada-lah di-minta supaya melaporkan sebarang kejadian buang2 ayer yang di-sertai muntah kepada Kelinik atau Rumah Sakit yang berhampiran untuk mendapatkan rawatan.

Semua ayer minum dan ayer untuk memasak atau menyuci periok-belanga dan pinggan-mangkok MESTI-LAH di-rebus sa-belum di-gunakan.

Ayer2 sungai JANGAN-LAH hendak-nya di-gunakan kerana tujuan2 ini.

Semua sampah-sarap mesti-lah di-bakar atau di-tanam dan makanan2 di-kawal dari lalat.

Dato Doktor Franks menasehatkan semua orang yang suntekan kolera mereka telah habis tempoh-nya supaya bersuntek sa-mula.

PENGUMUMAN JABATAN ELEKTRIK

BANDAR BRUNEI. — Lampu2 Isharat Lalu Lintas di-simpang Jalan Tutong dan Jalan Kumbang Pasang akan di-nyalakan mulai jam 9-00 pagi hari Juma'at 28 April, 1967.

MALAM RAMPAIAN SENI ANJORAN P.M.K.T.

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam Tutong akan mengadakan Malam Rampaian Seni bertempat di-Dewan Besar persatuan tersebut pada malam 4 dan 5 Mei, 1967 untuk mengutip derma bagi Bangunan Iktasad persatuan itu.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ia-lah sa-buah derama yang berjudul "Dendang Anak Perantau" yang merupakan sa-buah cherita purbawara dan sa-buah lagi derama merupakan cherita masharakat berjudul "Ku Pujok2 Ku Bawa Lari". Kedua2 cherita ini ia-lah hasil karya Awang M. S. Junaidi. Sa-lain dari itu P.M.K.T. juga akan mempersembahkan tarian2, nyanyian2 dan lawak jenaka di-temasha tersebut.

Menurut Setia Usaha Agong P.M.K.T., Awg. M. S. Junaidi, Peraduan Bahath bagi Peringkat Permulaan juga akan di-adakan pada malam 5 Mei di-antara Pasokan Melayu Luagan Dudok dengan Persatuan Melayu Tanjong Maya. Peraduan Bahath itu ada-lah terbuka kepada Persatuan2 dan Pertubuhan2 serta Sekolah2 Menengah di-Daerah Tutong.

Tiket2 untuk menonton temasha tersebut berharga \$2.00, \$1.50 dan \$1.00 boleh-lah di-dapati daripada: Bahagian Brunei — Awg. Mohd. Alidin Kura d/a/ Radio Brunei. Bahagian Tutong — Awg. Sulaiman Haji A. Latiff, Kampong Keriam. Bahagian Belait — Awg. Ahmad b. Hitam, Pejabat Daerah Belait atau pun daripada Setia Usaha Agong P.M.K.T.

Dato Marsal akan merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, yang juga menjadi Yang Dipertua, Persatuan Pengakap Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di-Batu Empat, Jalan Gadong pada jam 2-30 petang hari Juma'at 28 April, 1967.

Perkhemahan Pengakap tersebut akan di-mulai pada pagi hari Khamis 27 April dan akan berakhir pada petang hari Ahad 30 April, 1967. Perkhemahan tersebut adalah terbuka kepada orang ramai mulai pada 28 April hingga 30 April.

Kursus Kerjasama Belia2

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat Negeri Brunei, Awg. H. M. Salleh akan merasmikan pembukaan Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Batu Satu, Jalan Tutong pada jam 9-00 pagi hari Juma'at 28 April, 1967.

Setia Usaha Agong Perhimpunan Belia Sa-Dunia, Awang Jyoti S. Singh akan tiba di-Brunei pada 29 April untuk menghadiri kursus tersebut. Dan beliau juga akan menutup kursus itu dengan rasminya sa-lepas di-adakan Pertunjukan Kesenian dan Kebudayaan pada malam 30 April, 1967.



Gambar ini di-ambil di-Bangunan Lapangan Terbang Brunei baru2 ini sa-belum sa-bilangan daripada pemain2 Pasokan Hoki Wanita Negeri Brunei berlepas dengan kapal terbang ka-Kuching untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Hoki Wanita Wilayah2 Borneo.

Pasokan Hoki Wanita Negeri Brunei telah berjaya menyandang gelaran Johan dalam perlawanan tersebut. Dalam perlawanan akhir, Brunei telah mengalahkan Sarawak dengan tiga gol tidak berbalas.

Suzannah Bell (hujung kiri sekali) telah menjaringkan dua gol, manakala Margaret Ware (Ketua Pasokan itu — bilangan ke-tiga dari kanan) telah menjaringkan satu gol. Shabash Pasokan Brunei.